

02/02/2002

Pak Lah jalankan tugas Perdana Menteri

PUTRAJAYA, Jumaat - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan menjalankan tugas-tugas Perdana Menteri ketika ketiadaan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang akan bercuti sebulan selepas menghadiri Forum Ekonomi Sedunia di New York.

Dr Mahathir yang berlepas ke New York malam ini, juga mengesahkan bahawa timbalannya akan memangku jawatan Menteri Kewangan.

"La ni (sekarang ini) dia (Abdullah) menanggung tugas...dia pemangkulah (jawatan Perdana Menteri) secara tak rasmi," katanya selepas majlis pelancaran sambutan ulang tahun pertama Wilayah Persekutuan Putrajaya dan perasmian Souq (bazar) di sini hari ini.

Ditanya sama ada Abdullah memangku jawatan Perdana Menteri secara rasmi, Dr Mahathir berkata: "Rasmi tak rasmi, tak tahulah yang itu...orang dok kacau pasal protokol, saya tak berapa peduli dengan protokol."

Bagaimanapun katanya, Abdullah turut bertanggungjawab menjalankan tugas memangku Menteri Kewangan ketika ketiadaan beliau.

"Kalau saya tak dak sini, dia kena gantilah. Takkan tak ada orang nak ambil tugas itu. Perlu adalah, kalau ada apa sesuatu berlaku, takkan nak pi (pergi) cari saya," katanya sambil menoleh ke arah Abdullah yang berada di sebelah beliau..

Abdullah dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri dalam rombakan Kabinet yang diumumkan Dr Mahathir selepas mesyuarat Majlis Tertinggi Umno pada Januari 1999.

Mengenai kenyataan Pengarah Pendaftaran Pertubuhan (ROS) Sabah, Taisin Gantor bahawa pihaknya akan mengambil tindakan terhadap Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRS) termasuk membubarnya jika parti itu gagal menyelesaikan pertikaian dalamannya, Dr Mahathir berkata:

"Ya, kita perhati tengoklah sama ada undang-undang dipecah (dilanggar) atau tidak. Kalau mereka (pemimpin PBRS) melakukan sesuatu yang bertentangan dengan undang-undang, saya fikir ROS berhak (bertindak).

"Tetapi perkara ini adalah perkara politik, kita perlu berhati-hati kerana kadang-kadang ada orang yang cuba menggunakan undang-undang untuk menggagalkan tindakan politik," katanya.

Laporan dari Kota Kinabalu semalam memetik Taisin sebagai berkata bahawa setakat ini hanya wakil Datuk Dr Jeffrey Kitingan yang menghantar laporan hasil kongres parti itu yang berlangsung penuh kontroversi kelmarin.

Bagaimanapun laporan itu dikatakan tidak lengkap, manakala Tan Sri Joseph Kurup dijangka menyerahkan laporan mesyuarat yang dikendalikan penyokongnya selewat-lewatnya hari ini.

Krisis dalaman PBRS terus bergolak apabila kedua-dua pemimpinnya, Joseph Kurup dan Jeffrey yang dipilih sebagai 'presiden' membuat percaturan sendiri untuk membuktikan mereka pemimpin sebenar parti berkenaan, Jumaat lalu.

(END)